

UCAPAN BAJET 2022

oleh:

YB SENATOR

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ

MENTERI KEWANGAN

ketika membentangkan

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2022)

Di Dewan Negara

Pada Selasa, 14 Disember 2021

TEMA:

BAJET 2022: KELUARGA MALAYSIA, MAKMUR SEJAHTERA

Tan Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama “Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2022 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali kedua sekarang.”

MUKADIMAH

1. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera.
2. Salam penuh hormat saya ucapkan kepada Tan Sri Yang di-Pertua serta semua sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Hari ini, saya sekali lagi diamanah untuk menyampaikan **Ucapan Bajet 2022** di dalam Dewan yang mulia ini.
3. *Alhamdulillah*, selesai sudah sesi perbahasan peringkat Dasar dan Jawatankuasa di Dewan Rakyat dan segala urusan telah dipermudah dengan Rang Undang Undang Perbekalan 2022 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2022 **telah diluluskan dengan pindaan** di Dewan Rakyat pada petang semalam.
4. Merujuk kepada pindaan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat, saya mohon memaklumkan kepada

Tan Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Fasal 2 dalam teks bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris Rang Undang-undang Perbekalan 2022 dipinda dengan menggantikan perkataan “*satu ratus lima puluh enam bilion empat ratus dua belas juta lapan ratus lima puluh lapan ribu lapan ratus ringgit (RM156,412,858,800)*” dengan perkataan “*satu ratus lima puluh enam bilion empat ratus empat juta dua ratus sembilan puluh ribu lapan ratus ringgit (RM156,404,290,800)*”

5. Saya juga mohon memaklumkan bahawa Jadual kepada Rang Undang-Undang Perbekalan 2022 dipinda di bawah ruang “Amaun”:

a. bagi **Maksud B.43**, dengan menggantikan perkataan “1,776,018,800” dengan perkataan “1,767,450,800”; dan

b. pada **JUMLAH**, dengan menggantikan perkataan “156,412,858,800” dengan perkataan “156,404,290,800”.

6. Pindaan ini berbangkit daripada pengurangan jumlah wang yang diperuntukkan bagi Maksud B. 43 yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-Undang iaitu untuk mengurangkan sebanyak lapan juta lima ratus enam puluh lapan ribu ringgit (RM8,568,000) daripada jumlah yang diperuntukkan di bawah **Kepala Bekalan B. 43** di bawah butiran 040900 – Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT).

7. Selain itu, bagi menjunjung prinsip dan semangat demokrasi berparlimen, di samping menyambut sebarang cadangan untuk kebaikan

rakyat, beberapa pindaan lain telah diumumkan semasa Penggulangan Peringkat Dasar bagi Kementerian Kewangan.

PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI 2021 DAN 2022

Tan Sri Yang di-Pertua,

8. Tahun 2021 yang awalnya kita jangka sebagai tahun pemulihan malangnya tertangguh akibat penularan COVID-19 yang terus kritikal. Dengan kemunculan varian baharu, ia telah mencetuskan gelombang ketiga hingga mengakibatkan kes harian pernah mencecah lebih 24 ribu. Kini, jumlah kes direkodkan sudah menjangkau 2.6 juta; dan lebih 30 ribu orang telah terkorban. Pun begitu, dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara yang turut didokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, *Alhamdulillah*, kini negara berjaya mencapai lebih **97 peratus penduduk dewasa dan 87 peratus remaja yang telah divaksinasi sepenuhnya**. Pencapaian ini telah berjaya mengurangkan bilangan kes COVID-19, sementara penggunaan wad ICU kini berada pada tahap 60 peratus.

9. Dalam soal memelihara rakyat dan perniagaan, Kerajaan telah melaksanakan **lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi dengan jumlah keseluruhan sebanyak 530 bilion ringgit** iaitu tidak termasuk peruntukan Belanjawan 2021.

10. Melaluinya, pertumbuhan ekonomi yang sebelum ini menguncup 5.6 peratus pada 2020, kini telah berkembang 3 peratus bagi sembilan bulan

pertama 2021. Suku keempat dijangka terus kukuh dengan hampir semua negeri beralih ke fasa empat serta hampir semua sektor dibenarkan beroperasi pada kapasiti penuh. Keseluruhannya, **pertumbuhan ekonomi kita dijangka berkembang antara 3 hingga 4 peratus** bagi 2021, *Insyallah*.

11. Pada tahun depan, ekonomi negara diunjur terus berkembang antara **5.5 hingga 6.5 peratus** berpaksikan asas ekonomi yang kukuh dan struktur yang pelbagai.

BAJET 2022: KELUARGA MALAYSIA, MAKMUR SEJAHTERA

Tan Sri Yang di-Pertua,

12. Tahun 2022 semestinya diberi tumpuan untuk memulih semula setiap segmen sosioekonomi negara. Usaha membina daya tahan turut digerak bagi mengukuh keupayaan perniagaan dan sistem kesihatan serta melangkah ke hadapan, instrumen pembaharuan diperhebat supaya seiring dengan landskap dunia teknologi tanpa sempadan dan agenda kelestarian.

13. Dengan tema, **“Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera”**, Bajet ini mendokong Tiga Paksi Utama iaitu **memperkuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan**. Matlamat Bajet 2022 kekal dengan tiga Fokus Induk iaitu:

Pertama: Rakyat Yang Sejahtera;

Kedua: Perniagaan Yang Berdaya Tahan; dan

Ketiga: Ekonomi Yang Makmur dan Mampan.

14. Bajet 2022 akan menyediakan sejumlah 332.1 bilion ringgit – yang menyaksikan **nilai peruntukan tertinggi** berbanding bajet-bajet sebelum ini. Daripada jumlah tersebut, Kerajaan bercadang untuk menyediakan 233.5 bilion ringgit bagi belanja mengurus, 75.6 bilion ringgit untuk belanja pembangunan dan 23 bilion ringgit di bawah Kumpulan Wang COVID-19. Sejumlah 2 bilion ringgit turut disediakan sebagai simpanan luar jangka. Sungguhpun ini merupakan bajet mengembang, **defisit fiskal 2022 diunjur berkurang** kepada 6 peratus daripada KDNK berbanding 6.5 peratus pada 2021.

FOKUS PERTAMA: RAKYAT YANG SEJAHTERA

Tan Sri Yang di-Pertua,

15. Fokus pertama Bajet ini ialah **Rakyat Yang Sejahtera**.

STRATEGI 1: MEMULIH KEHIDUPAN DAN MATA PENCARIAN

16. Strategi pertama di bawah fokus ini ialah **Memulih Kehidupan dan Mata Pencarian**. Tumpuan Kerajaan di bawah strategi ini adalah untuk meneruskan pemberian bantuan tunai langsung secara bersasar,

memperkasa aspek pendidikan dan kesihatan awam serta terus menjana peluang-peluang pekerjaan.

Inisiatif 1: Bantuan Tunai Langsung dan Kebajikan

17. Pada tahun hadapan, inisiatif bantuan tunai langsung akan ditambah baik. Kerajaan akan memperkenalkan **Bantuan Keluarga Malaysia** (atau BKM) dengan beberapa pembaharuan supaya kumpulan yang benar-benar terkesan, diberi lebih tumpuan.

18. BKM akan menyalurkan **bantuan iaitu sebanyak 2,000 ringgit** kepada isi rumah yang mempunyai tiga orang anak atau lebih dengan pendapatan kurang 2,500 ringgit sebulan. Pemberian bantuan ini merupakan peningkatan berbanding 1,800 ringgit iaitu kadar tertinggi di bawah Bantuan Prihatin Rakyat (atau BPR).

19. Selanjutnya, sebagai pembaharuan, Kerajaan juga akan memberi **bantuan tambahan 500 ringgit lagi kepada ibu atau bapa tunggal** yang mempunyai anak tanggungan dan berpendapatan bulanan sehingga 5,000 ringgit. Selain itu, **bantuan tambahan 300 ringgit lagi turut diberikan kepada isi rumah warga emas**. Ini bermakna, kepada ibu atau bapa tunggal dengan tiga anak atau lebih, layak mendapat **BKM maksimum sebanyak 2,500 ringgit**.

20. Secara keseluruhan, BKM akan memanfaatkan lebih 9.6 juta penerima dengan peruntukan 8.2 bilion ringgit iaitu peningkatan berbanding 8.6 juta penerima dengan peruntukan 7 bilion ringgit di bawah BPR.

21. Suka untuk saya maklumkan di sini sekali lagi bahawa, semasa sesi penggulungan peringkat dasar di Dewan Rakyat, saya juga telah mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak 50 juta ringgit bertujuan mengembalikan semula **Skim Khairat Kematian sebanyak 1,000 ringgit** bagi penerima Bantuan Keluarga Malaysia tahun 2022.

22. Berhubung kait dengan bantuan yang disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pula, **syarat kelayakan kebajikan akan dinaikkan kepada Paras Garis Kemiskinan Makanan 2019** iaitu 1,169 ringgit berbanding PGK 2016 iaitu 980 ringgit sebelum ini.

Inisiatif 2: Akses Kemudahan Kesihatan Awam

Tan Sri Yang di-Pertua,

23. Kerajaan akan terus mengutamakan aspek kesihatan awam bagi membina daya tahan negara dalam persediaan kita ke fasa endemik COVID-19. Bajet 2022 menyediakan **32.4 bilion ringgit kepada Kementerian Kesihatan** untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

24. Selain itu, tambahan 4 bilion ringgit disediakan khusus untuk meneruskan **agenda menangani COVID-19** yang merangkumi 2 bilion ringgit bagi membiayai program vaksinasi. Manakala 2 bilion ringgit lagi disediakan bagi meningkatkan kapasiti fasiliti perkhidmatan kesihatan awam seperti pembelian bekalan ubat, bahan guna habis, PPE dan kit kesihatan.

MOH juga akan terus menyumber luar ke hospital swasta dan hospital seliaan Kementerian lain bagi mengoptimum kapasiti kesihatan negara.

25. Yang utama sekali, **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan terus diperkasa** bagi membekal dos ketiga sebagai vaksin penggalak kepada semua orang dewasa di samping meneruskan vaksinasi kepada anak-anak berusia 12 hingga 17 tahun. Kerajaan telah menandatangani perjanjian untuk mendapatkan 88 juta dos iaitu bersamaan lebih 140 peratus penduduk dan cukup untuk memberi dos ketiga kepada semua penduduk berusia 12 tahun dan ke atas.

26. Aspek kesihatan awam juga akan diberi perhatian. Kerajaan antaranya akan meluaskan kenan **duti eksais ke atas produk minuman bergula** dalam bentuk pracampuran berasaskan coklat atau koko, malt, kopi dan teh. Kerajaan juga bercadang mengenakan **duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin** yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape.

27. Krisis pandemik ini telah menerukkan masalah sosial sehingga menjadi punca kepada isu kesihatan mental. Maka, 70 juta ringgit disediakan bagi terus memastikan **isu kesihatan mental** ini diberi keutamaan.

Inisiatif 3: Pendidikan Berkualiti Untuk Semua

Tan Sri Yang di-Pertua,

28. Bajet ini kekal mengutamakan **Kementerian Pendidikan Malaysia apabila akan menerima peruntukan terbesar iaitu sejumlah 52.6 bilion ringgit** atau 16 peratus daripada keseluruhan anggaran perbelanjaan Persekutuan. Sementara, Kementerian Pengajian Tinggi pula bakal diperuntukkan sejumlah 14.5 bilion ringgit.

29. Kerajaan bersetuju menyediakan **Bantuan Awal Persekolahan sebanyak 150 ringgit** iaitu meningkat berbanding 100 ringgit sebelum ini. Sejumlah 450 juta ringgit diperuntukkan yang dijangka memanfaatkan 3 juta murid-murid yang layak.

30. Pada tahun hadapan, sejumlah 1 bilion ringgit disediakan untuk **kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan sekolah**. Peruntukan ini juga termasuk 140 juta ringgit kepada JAKIM bagi menyelenggara antaranya sekolah tahfiz, sekolah agama rakyat dan institusi pondok berdaftar iaitu meningkat berbanding 100 juta ringgit pada tahun 2021.

31. Kerajaan juga akan terus **menaik taraf sekolah-sekolah daif** dengan peruntukan dinaikkan kepada 746 juta ringgit. Sebilangan besar peruntukan ini adalah untuk menaik taraf sekolah daif dengan 112 projek di Sabah dan 165 projek di Sarawak.

32. Sebagai menghargai jasa guru yang menyediakan bahan mengajar tambahan kepada murid-murid semasa tempoh pandemik, Bajet ini buat pertama kalinya menyediakan **Insentif Khas Alat Bantuan Mengajar** secara sekali bayar sebanyak 100 ringgit kepada lebih 400 ribu guru sekolah di bawah KPM.

33. Bagi memastikan proses pengajian para pelajar B40 terus terpelihara, Kerajaan akan melaksanakan inisiatif **PerantiSiswa Keluarga Malaysia bagi membekalkan sebuah tablet** kepada setiap pelajar B40 di institusi pengajian tinggi dengan peruntukan sebanyak 450 juta ringgit. 600 ribu siswa-siswi daripada keluarga B40 bakal menerima manfaat daripada inisiatif ini.

Inisiatif 4: Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan

Tan Sri Yang di-Pertua,

34. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang signifikan kepada pekerjaan dan mata pencarian rakyat. Mengambil semangat konsep jaminan pekerjaan, Kerajaan di bawah inisiatif **Jamin Kerja Keluarga Malaysia** (atau **JaminKerja**) akan menjamin **penyediaan 600 ribu peluang pekerjaan** dengan peruntukan berjumlah 4.8 bilion ringgit.

35. Kerajaan melalui PERKESO akan meneruskan usaha pengambilan pekerja melalui inisiatif **insentif penggajian JaminKerja** dengan sasaran 300 ribu orang dan peruntukan 2 bilion ringgit.

36. Inisiatif **MySTEP** juga akan diteruskan dengan menawarkan 80 ribu peluang pekerjaan secara kontrak merangkumi 50 ribu pekerjaan dalam sektor awam dan 30 ribu pekerjaan dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan mulai Januari 2022.

37. Bajet ini turut menyasarkan 220 ribu pelatih untuk menjalani pelbagai **program latihan dan peningkatan kemahiran** dengan peruntukan keseluruhan 1.1 bilion ringgit.

Inisiatif 5: Perlindungan Sosial

Tan Sri Yang di-Pertua,

38. Kerajaan ini komited untuk meneruskan pelbagai dasar dan program perlindungan bagi manfaat Keluarga Malaysia yang memerlukan. Antaranya, bagi memberi perlindungan sosial kepada suri rumah dan balu melalui caruman ke KWSP dan PERKESO, Kerajaan menyediakan 80 juta ringgit di bawah **Program Kasih Suri Keluarga Malaysia** khusus untuk manfaat mereka hingga umur 55 tahun.

39. Pada tahun ini, Kerajaan telah meluaskan liputan perlindungan sosial negara di bawah PERKESO untuk turut **mencarum bagi pekerja sendiri dan sektor informal**. Bagi tahun hadapan, inisiatif ini diteruskan dengan nilai caruman 80 peratus dan meluaskan manfaatnya kepada 9 kategori pekerja sendiri baharu antaranya petani, nelayan, penjaja dan ejen pelancongan.

40. Dalam terus membantu individu yang aktif mencari pekerjaan, Kerajaan juga akan **meneruskan pemberian Elaun Mencari Pekerjaan** kepada pencarum dan bukan pencarum PERKESO.

41. Sejak penularan wabak COVID-19, ribuan yang kehilangan punca pendapatan akibat kematian suami, isteri atau ibu bapa telah menerima faedah pencen penakat di bawah PERKESO. Bagi tahun hadapan, Kerajaan bercadang untuk **meningkatkan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan daripada 475 kepada 550 ringgit** yang akan membantu 56 ribu isi rumah.

STRATEGI 2: MEMBANGUN SEBUAH KELUARGA MALAYSIA

Tan Sri Yang di-Pertua,

42. Strategi kedua bagi Fokus ini adalah untuk **Membangun Sebuah Keluarga Malaysia**.

43. Bajet 2022 memastikan **agenda pemerkasaan Bumiputera** terus diberi keutamaan dalam usaha untuk merapatkan jurang antara kaum. Untuk itu, sejumlah 11.4 bilion ringgit disediakan bagi melaksanakan pelbagai inisiatif merangkumi 6.6 bilion ringgit untuk **kemudahan pendidikan buat anak-anak Bumiputera** dan 4.8 bilion ringgit bagi melaksanakan pelbagai **program peningkatan kapasiti dan pembiayaan perniagaan**.

44. Aspek **pengimaran syiar Islam** juga menjadi tumpuan dalam Bajet 2022. Secara keseluruhan, Kerajaan memperuntukkan 1.5 bilion ringgit bagi

pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan antaranya akan menambah 1,000 orang Guru Takmir dan menyalurkan **pemberian khas sekali bayar 500 ringgit** untuk manfaat 70 ribu orang Imam, Bilal, Siak, Noja, Marbut, Guru Takmir dan Guru KAFA.

45. Kepada komuniti **Orang Asli pula, 274 juta ringgit diperuntukkan** antaranya bagi melaksanakan Program Peningkatan Taraf Hidup seperti pemberian subsidi dan bantuan persekolahan serta bantuan kebajikan untuk manfaat hampir 200 ribu Orang Asli. Kerajaan juga akan menaikkan **kadar wang saku murid sekolah menengah** kepada 4 ringgit sehari.

46. Kerajaan juga memperuntukkan 50 juta ringgit bagi kerja-kerja **pembaikan, penyelenggaraan dan pembangunan kecil rumah ibadat** di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Peruntukan ini turut merangkumi pelaksanaan aktiviti-aktiviti komuniti dengan kerjasama pengurusan rumah ibadat dan penduduk setempat.

47. Bagi mengiktiraf peranan wanita dalam proses membuat keputusan dan memperkukuh kepimpinan serta keberkesanan lembaga pengarah, Kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti akan **mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi semua syarikat senaraian awam.**

48. Selanjutnya, Kerajaan bersedia untuk memperuntukkan 13 juta ringgit khas untuk **memperkasa Bahagian D11 Polis Diraja Malaysia** bagi **Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak**, termasuk pewujudan 100 perjawatan baharu. Di samping itu, program kesedaran komuniti berhubung

keganasan terhadap wanita di seluruh negara melalui **Skuad WAJA** akan dilaksanakan.

49. Aspek kesihatan dan kebersihan diri remaja wanita amat penting dalam mengurangkan sebarang risiko kesihatan dan keciciran di sekolah. Oleh itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia akan **mengedarkan secara percuma kit asas kebersihan diri** setiap bulan kepada 130 ribu remaja wanita golongan B40.

Tan Sri Yang di-Pertua,

50. Kerajaan ini akan terus giat melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi dan memelihara kebajikan komuniti tumpuan, terutamanya melibatkan warga emas, kanak-kanak, OKU dan lain-lain.

51. Bagi **memastikan setiap warga emas yang memerlukan mendapat sokongan berterusan**, Bajet ini menyediakan lebih 635 juta ringgit khusus untuk bantuan kebajikan, institusi penjagaan dan pusat aktiviti warga emas.

52. Kebajikan golongan OKU tidak pernah dilupakan. Bagi tahun hadapan, Kerajaan menyediakan peruntukan khusus 30 juta ringgit bagi **menaik taraf infrastruktur bangunan Kerajaan supaya mesra OKU**.

53. Bagi memastikan tempat buat anak muda OKU menceburi bidang pekerjaan, Kerajaan akan menyediakan **kuota khas sebanyak 1 peratus untuk program MyStep** kepada golongan OKU.

54. Bagi tahun hadapan, Kerajaan bersetuju untuk menanggung sepenuhnya **bayaran Lesen Kenderaan Motor** kepada semua kenderaan persendirian yang dimiliki oleh OKU.

Tan Sri Yang di-Pertua,

55. Pendedahan kepada alam pekerjaan bagi belia yang baru menamatkan pengajian amat penting untuk mereka berhadapan dengan dunia sebenar pekerjaan. Maka, Kerajaan akan menyediakan **insentif kepada majikan yang menggaji perantis** lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun sebanyak 900 ringgit sebulan bagi tempoh enam bulan.

56. Bagi memupuk budaya transaksi tanpa tunai di premis perniagaan, Kerajaan memperkenalkan **program e-Start** iaitu sebuah Skim Transaksi Tanpa Tunai. E-Start akan mengkreditkan 150 ringgit secara *one-off* ke dalam akaun e-dompet para belia berumur 18 hingga 20 tahun dan juga pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dengan peruntukan 300 juta ringgit untuk manfaat lebih 2 juta belia.

57. Bagi **memperkasa Sukan OKU**, 10 juta ringgit diperuntukkan kepada Majlis Sukan Negara khusus untuk meningkatkan program latihan atlet OKU dan melaksanakan Liga Sukan OKU.

58. E-Sukan kini dilihat mempunyai prospek terbaik pembangunan sukan negara. Bagi merancakkan pertumbuhan e-Sukan, 20 juta ringgit disediakan

bagi pembangunan **e-Sukan** kebangsaan termasuk 5 juta ringgit untuk **mewujudkan Pusat Kecemerlangan Sukan Dron**.

STRATEGI 3: MEMBINA KEHIDUPAN YANG KONDUSIF

Tan Sri Yang di-Pertua,

59. Strategi ketiga adalah untuk **Membina Kehidupan Yang Kondusif**.

Inisiatif 1: Meringankan Kos Sara Hidup

60. Secara keseluruhan, Kerajaan menyediakan lebih **31 bilion ringgit khusus untuk subsidi, bantuan dan insentif bagi Bajet 2022**. Peruntukan ini adalah untuk meminimum kesan peningkatan kos sara hidup rakyat melibatkan kawalan harga barang dan perkhidmatan. Antaranya, 200 juta ringgit untuk **membiayai kos pengangkutan dan pengedaran barangan asas ke kawasan luar bandar**.

61. Untuk membantu pengurusan aliran tunai rakyat yang terjejas, **KWSP akan melanjutkan tempoh pengurangan kadar caruman minimum KWSP daripada 11 kepada 9 peratus** sehingga Jun 2022 melibatkan anggaran nilai 2 bilion ringgit.

62. Untuk mengurangkan kos pemilikan kenderaan, Kerajaan juga akan **melanjutkan 100 peratus pengecualian cukai jualan ke atas kenderaan**

penumpang CKD dan **50 peratus ke atas CBU** termasuk MPV dan SUV selama enam bulan sehingga 30 Jun 2022.

63. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Memandangkan baru-baru ini, telah berlakunya kenaikan harga barangan asas, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah awal dan proaktif termasuklah:

Pertama: Penyediaan peruntukan tambahan 62 juta ringgit melalui Lembaga Pertubuhan Peladang Kebangsaan bagi membantu menangani impak kenaikan harga baja dan racun ke atas pesawah;

Kedua: Kerajaan juga bersetuju untuk menyediakan dana 200 juta ringgit sebagai pinjaman agromakanan pada kadar faedah sifar peratus di samping moratorium bayaran balik pinjaman selama enam bulan di bawah TEKUN dan Agrobank untuk manfaat pengusaha tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang terkesan;

Ketiga: Kerajaan turut bersetuju untuk melanjutkan Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak sehingga Mac 2022 dengan kos sebanyak 150 juta ringgit; dan

Keempat: Kerajaan juga baru sahaja melancarkan Program Jualan Keluarga Malaysia iaitu program membolehkan para petani menjual terus hasil mereka kepada rakyat tanpa orang tengah dan dengan demikian berupaya

menawarkan barangan asas pada harga yang lebih rendah.

64. Gangguan rantaian bekalan telah menyumbang kepada peningkatan harga semasa dan dengan itu, Kerajaan menjangkakan harga barang akan kembali stabil pada awal tahun 2022. Namun demikian, Kerajaan akan terus memantau perkembangan pasaran dan bersedia mengambil tindakan sekiranya perlu.

Inisiatif 2: Pemilikan Rumah Kediaman

65. Setiap daripada rakyat berhak memiliki rumah kediaman sebagai keperluan kehidupan. Untuk itu, Kerajaan akan meneruskan **projek-projek perumahan khususnya kepada golongan berpendapatan rendah** dengan nilai keseluruhan 1.5 bilion ringgit. Pada masa yang sama, Kerajaan tidak lagi mengenakan **Cukai Keuntungan Harta Tanah** bagi pelupusan oleh individu warganegara, pemastautin tetap dan selain syarikat mulai tahun ke enam dan ke atas.

66. Untuk tahun hadapan, bagi membantu usahawan dan pekerja sektor informal yang berkeupayaan membeli rumah tetapi sukar mengakses pinjaman bank, Kerajaan menyediakan jaminan sehingga 2 bilion ringgit kepada bank melalui **Skim Jaminan Kredit Perumahan** untuk memudahkan kepada golongan ini membeli rumah.

Inisiatif 3: Akses Kemudahan Pengangkutan

67. Penduduk di pedalaman Sabah dan Sarawak ada yang terpaksa memakan masa berjam-jam untuk mendapatkan perkhidmatan di pekan berdekatan. Untuk kemudahan penduduk di pedalaman Sabah dan Sarawak, Kerajaan akan terus **memberikan subsidi sebanyak 209 juta ringgit bagi perkhidmatan pengangkutan udara.**

68. Selain inisiatif ini, 80 juta ringgit juga disediakan sebagai **Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti** untuk manfaat pengendali bas henti-henti dan 115 juta ringgit bagi inisiatif **pas perjalanan bas dan rel tanpa had dengan harga 50 ringgit sebulan untuk pengguna terutamanya di Lembah Klang.**

Inisiatif 4: Infrastruktur Luar Bandar

Tan Sri Yang di-Pertua,

69. Kerajaan akan terus menambah baik aspek kesejahteraan penduduk luar bandar dalam usaha **mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah.** Bagi tahun hadapan, lebih 2.5 bilion ringgit disediakan bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan infrastruktur luar bandar. Daripada keseluruhan peruntukan ini, sebahagian besar iaitu 1.5 bilion ringgit disediakan untuk **pembangunan infrastruktur luar bandar Sabah dan Sarawak.**

Inisiatif 5: Pertahanan & Ketenteraman Awam

70. Kemakmuran ekonomi tidak akan tercapai tanpa negara yang aman dan damai. Bagi tahun hadapan, Bajet ini menyediakan peruntukan kepada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri masing-masing sebanyak 16 bilion dan 17 bilion ringgit.

71. Ke arah memperkukuh kedaulatan negara, Kerajaan akan **menambah lapang pos kawalan Pasukan Gerakan Am** antaranya di Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan kawalan keselamatan sempadan.

72. Selain itu, Kerajaan juga akan **menambah empat pintu masuk imigresen baharu** bagi memenuhi keperluan peningkatan pergerakan melalui imigresen susulan perubahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan dan pembukaan Lebuhraya Pan Borneo jajaran Telok Melano.

73. Peruntukan 100 juta ringgit disediakan bagi meningkatkan **kesiapsiagaan Agensi Pengurusan Bencana Negara** menghadapi musim banjir Monsun Timur Laut.

FOKUS KEDUA: PERNIAGAAN YANG BERDAYA TAHAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

74. Fokus kedua iaitu **Perniagaan Yang Berdaya Tahan** menumpukan kepada strategi untuk mengembalikan keupayaan perniagaan melalui akses

kepada pembiayaan, memacu pelaburan strategik dan memulih sektor-sektor tumpuan.

STRATEGI 1: MENGEMBALI KEUPAYAAN PERNIAGAAN

75. Sebagai strategi pertama iaitu untuk mengembalikan keupayaan perniagaan, bagi tahun 2022, pakej pembiayaan dengan nilai keseluruhan berjumlah 40 bilion ringgit akan disediakan di bawah **Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia** (atau SemarakNiaga). Skim pembiayaan ini merangkumi pinjaman langsung, jaminan pembiayaan dan suntikan ekuiti dengan sasaran untuk memanfaatkan setiap golongan usahawan.

Inisiatif 1: Skim Kredit Mikro

76. Tahun hadapan, pembiayaan kredit mikro bernilai hampir 1.8 bilion ringgit akan disediakan melalui pelbagai agensi seperti TEKUN, Agrobank, BSN, Bank Rakyat dan Bank Negara Malaysia.

77. Antaranya, **Skim Pembiayaan Informal dan Mikro** di bawah TEKUN akan menawarkan pinjaman sehingga 10 ribu ringgit pada kadar faedah 0 peratus berserta moratorium selama 12 bulan dengan keutamaan diberi kepada peniaga sektor informal dan mikro. **BSN dan Agrobank juga akan menawarkan pinjaman mikro sehingga 75 ribu ringgit** pada kadar 0 peratus untuk enam bulan pertama berserta kemudahan moratorium sehingga enam bulan.

Inisiatif 2: Pembiayaan Perniagaan dan Pembiayaan Alternatif

78. Bagi membantu syarikat yang berdepan masalah pembiayaan, kaedah pendanaan bernilai 2.1 bilion ringgit melalui pelaburan ekuiti dan *quasi-equity* akan diperkenalkan. Kaedah ini akan diterajui oleh SME Bank dengan kerjasama TERAJU dan BSN dengan dana bernilai 600 juta ringgit.

79. Secara keseluruhan, sejumlah 14.2 bilion ringgit dana tersedia untuk PKS. Untuk ketersediaan dana yang berterusan, dana khas BNM terutamanya Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar telah ditingkatkan sebanyak 2 bilion ringgit dan menjadikan jumlah ketersediaan pelbagai dana PKS BNM pada masa ini sebanyak 11.2 bilion ringgit.

Inisiatif 3: Jaminan Pembiayaan Perniagaan

Tan Sri Yang di-Pertua,

80. Tahun hadapan, skim jaminan di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (atau SJPP) akan ditambah baik dengan menyediakan jaminan untuk pembiayaan yang dijadual dan distruktur semula dengan tambahan had jaminan sebanyak 10 bilion ringgit termasuk 2 bilion ringgit dikhaskan untuk bumiputera.

Inisiatif 4: Kemudahan Menjalankan Perniagaan

Tan Sri Yang di-Pertua,

81. Bagi membantu usahawan PMKS yang terkesan bangkit semula, Kerajaan mencadangkan beberapa inisiatif berikut:

Pertama: Penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan bagi PMKS selama enam bulan sehingga 30 Jun 2022;

Kedua: Semua perniagaan dibenar membuat pindaan anggaran cukai pendapatan yang kena dibayar dalam bulan ke 11 sebelum 31 Oktober 2022; dan

Ketiga: Kerugian terkumpul yang tidak dapat diserap boleh dibawa ke hadapan untuk tempoh daripada maksimum 7 tahun taksiran berturut-turut kepada maksimum 10 tahun taksiran berturut-turut.

STRATEGI 2: MEMACU PELABURAN STRATEGIK

Tan Sri Yang di-Pertua,

82. Strategi kedua pula adalah untuk **memacu pelaburan strategik** dalam sektor-sektor utama dan mengukuhkan pemboleh pertumbuhan.

Inisiatif 1: Pelaburan Dalam Sektor Utama

83. **Dana khas pelaburan strategik sehingga 2 bilion ringgit** disediakan bagi menarik pelaburan asing strategik dalam kalangan syarikat multinasional, khususnya yang dapat melengkapkan rantai nilai industri dan memacu penjanaaan pekerjaan berteraskan pengetahuan dan peluang pembangunan PKS tempatan.

84. Bagi meningkatkan produktiviti melalui automasi, Kerajaan turut menyediakan 100 juta ringgit sebagai **geran padanan Automasi Pintar** kepada 200 syarikat pembuatan dan perkhidmatan.

85. Kerajaan juga akan **melanjutkan elaun pelaburan semula (atau EPS) tambahan** selama dua tahun bagi syarikat sedia ada di Malaysia yang telah tamat tempoh kelayakan EPS dan EPS khas. Ini menjadikan tempoh keseluruhan EPS tambahan ini kepada 5 tahun.

Inisiatif 2: Sains, Teknologi dan Inovasi

Tan Sri Yang di-Pertua,

86. Kerajaan menyediakan 423 juta ringgit di bawah MOSTI dan KPT bagi **mempregiat aktiviti R&D** ke arah mengaplikasikan pembaharuan yang selari dengan perkembangan sains dan teknologi.

87. Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah 45 juta ringgit sebagai galakan transformasi teknologi ke arah revolusi industri keempat atau

Industry4WRD dalam kalangan PKS serta syarikat tahap pertengahan bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Inisiatif 3: Inisiatif Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH)

Tan Sri Yang di-Pertua,

88. Untuk tahun 2022, syarikat GLC akan terus memainkan peranan penting dalam memacu pemulihan negara. Antara inisiatif utama yang bakal dilaksanakan termasuklah membantu usahawan melalui khidmat nasihat dan sokongan kewangan dengan dana kolektif bernilai 5 bilion ringgit serta menolong rakyat melalui inisiatif seperti derma peralatan perubatan dan program biasiswa dengan dana kolektif bernilai 500 juta ringgit.

89. Khazanah Nasional Berhad juga telah menyediakan Dana Impak sebanyak 6 bilion ringgit sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sektor-sektor baharu bernilai tinggi.

STRATEGI 3: MEMULIH SEKTOR-SEKTOR TUMPUAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

90. Bagi strategi ketiga, Kerajaan memberi komitmen untuk **memulihkan dan memangkin pembaharuan beberapa sektor tumpuan** seperti industri pelancongan, kreatif, peruncitan, pertanian dan komoditi supaya dapat kembali beroperasi pada kapasiti maksimum.

91. Sektor pelancongan merupakan industri yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Bagi membantu industri pelancongan, beberapa inisiatif utama dengan nilai keseluruhan 1.6 bilion ringgit akan dilaksanakan merangkumi antaranya program subsidi upah bersasar, pembiayaan dan geran padanan, bantuan khas kepada pengusaha pelancongan serta penyelenggaraan infrastruktur pelancongan.

92. Selanjutnya, Kerajaan bercadang untuk melanjutkan beberapa galakan cukai termasuk pengecualian cukai pendapatan kepada penganjur aktiviti kesenian dan kebudayaan serta pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa sehingga tahun taksiran 2025.

93. Dalam merancakkan semula aktiviti industri kreatif, sejumlah 188 juta ringgit disediakan antaranya untuk meneruskan pelbagai inisiatif seperti Dana Kandungan Digital, projek Kandungan Multimedia Digital, Insentif Filem, program Perkasa Modal Insan dan perlindungan PERKESO kepada golongan artis.

94. Sebagai tambahan, pada tahun hadapan Kerajaan akan menjayakan **Program Riuhi Keluarga Malaysia** dengan peruntukan berjumlah 20 juta ringgit.

95. Industri peruncitan juga antara yang terjejas disebabkan pandemik. Melihat kepada kejayaan program penggalakan usahawan menceburi perniagaan secara dalam talian yang telah memanfaatkan sehingga lebih

daripada 500 ribu usahawan tempatan pada tahun ini, Kerajaan akan meneruskan program ini dengan peruntukan 250 juta ringgit.

Inisiatif 4: Industri Pertanian, Jaminan Makanan dan Komoditi

Tan Sri Yang di-Pertua,

96. **Pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian dan perikanan** akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak 1.7 bilion ringgit antaranya 1.5 bilion ringgit bagi subsidi benih, baja, harga dan pengeluaran padi termasuk subsidi baja padi huma sebanyak 40 juta ringgit. Insentif hasil tangkapan nelayan juga turut disediakan berjumlah 150 juta ringgit.

97. Selanjutnya, program pembiayaan sehingga 1.25 bilion ringgit akan disediakan oleh Agrobank dan BNM melalui antaranya Kemudahan Agromakanan berjumlah 500 juta ringgit dan Dana Pembiayaan Agromakanan oleh AgroBank berjumlah 200 juta ringgit.

98. Kerajaan juga bersetuju untuk meneruskan **Bantuan Musim Tengkujuh** bagi membantumeringankan beban sara hidup bagi 320 ribu pekebun kecil yang kehilangan pendapatan semasa musim tengkujuh dengan peruntukan 190 juta ringgit.

99. Akhir sekali, Kerajaan bersetuju **menaikkan nilai ambang kenaikan levi keuntungan luar biasa kelapa sawit** bagi Semenanjung Malaysia daripada 2,500 kepada 3,000 ringgit dan bagi Sabah dan Sarawak daripada

3,000 kepada 3,500 ringgit. Manakala kadar levi Sabah dan Sarawak diselaraskan kepada 3 peratus sepertimana kadar levi di Semenanjung.

FOKUS 3: EKONOMI YANG MAKMUR DAN MAMPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

100. Seterusnya ialah Fokus ketiga iaitu **Ekonomi yang Makmur dan Mampan**. Kerajaan komited untuk mengukuhkan agenda pembangunannya supaya pertumbuhan kekal mampan dan inklusif di samping menyokong pelaksanaan RMKe-12. Di bawah fokus ini, penumpuan diberikan kepada agenda kelestarian, merapatkan jurang ekonomi, konsolidasi fiskal dan kemampanan hasil serta mendokong penyampaian perkhidmatan awam.

STRATEGI 1: AGENDA KELESTARIAN

101. Strategi pertama di bawah fokus ketiga adalah untuk mengukuhkan **Agenda Kelestarian** negara.

102. Bagi **membantu PMKS meningkatkan amalan lestari dan rendah karbon** seperti menambah penggunaan bahan mentah lestari dan tenaga boleh diperbaharui, BNM akan menyediakan Kemudahan Peralihan Kepada Rendah Karbon dengan nilai dana sebanyak 1 bilion ringgit secara padanan dengan dana yang setara daripada institusi kewangan peserta.

103. Bagi menyokong pembangunan industri EV, Kerajaan bercadang untuk memberikan pengecualian sepenuhnya ke atas duti import, duti eksais dan cukai jualan bagi kenderaan EV. Pengecualian cukai jalan sehingga 100 peratus juga diberikan kepada kenderaan berkenaan. Di samping itu, pelepasan cukai pendapatan individu sehingga 2,500 ringgit turut diberikan ke atas kos pembelian dan pemasangan, sewaan dan sewa beli kemudahan serta bayaran yuran langganan kemudahan pengecasan EV.

104. Bagi tahun 2022, Kerajaan menyediakan 450 juta ringgit kepada pelbagai kementerian untuk melaksanakan beberapa inisiatif bagi memelihara alam semula jadi dan kepelbagaian biodiversiti.

105. Selanjutnya, untuk menerapkan pelaksanaan Pemberian Ekologi (atau EFT) bagi memelihara biodiversiti, peruntukan EFT berjumlah 70 juta ringgit akan disediakan **setiap tahun** kepada semua negeri.

106. Sejak pandemik bermula, pelbagai pihak terutamanya NGO, GLC, perusahaan sosial dan komuniti telah memainkan peranan yang berkesan sebagai ejen di lapangan bagi menyokong usaha Kerajaan membangunkan sosioekonomi rakyat.

107. Bagi tahun hadapan, sejumlah **100 juta ringgit akan disediakan secara geran padanan dengan sumbangan Yayasan milik GLC** kepada NGO untuk membiayai pelbagai program sosial bagi membantu golongan rentan.

108. Akhir sekali, Malaysia komited dalam memenuhi obligasinya sebagai penandatangan Perjanjian Paris. Bagi tahun hadapan, Kerajaan akan menerbitkan Sukuk Kelestarian dalam Ringgit Malaysia sehingga 10 bilion ringgit untuk disalurkan kepada projek sosial atau mesra alam yang layak.

STRATEGI 2: MERAPATKAN JURANG EKONOMI

Tan Sri Yang di-Pertua,

109. Strategi kedua fokus ini adalah untuk merapatkan jurang ekonomi merentas dimensi.

110. Bagi memastikan usaha merangsang pemulihan ekonomi dipergiat, Kerajaan akan meneruskan **pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur negara** bernilai 3.5 bilion ringgit, antaranya pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dan *Central Spine Road*.

111. Selanjutnya, Kerajaan juga akan terus melaksanakan **projek-projek kecil dan sederhana bernilai 2.9 bilion ringgit** yang dikhususkan kepada kontraktor kelas G1 ke G4 di seluruh negara.

112. Kerajaan juga prihatin membantu kerajaan negeri meningkatkan pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, **peruntukan khusus berjumlah 260 juta ringgit iaitu 20 juta ringgit bagi setiap negeri** akan disediakan bagi memfokuskan kepada projek berkenaan jaminan makanan, pelancongan serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

113. Seterusnya, **Sabah dan Sarawak** akan menerima **peningkatan peruntukan perbelanjaan pembangunan** masing-masing kepada 5.2 bilion ringgit dan 4.6 bilion ringgit. Peruntukan ini antaranya adalah untuk melaksanakan projek infrastruktur air, elektrik, dan jalan raya, serta kemudahan pendidikan dan kesihatan.

114. Dalam ucapan penggulungan dasar Dewan Rakyat juga, dana **tambahan 500 juta ringgit untuk pembangunan Sabah dan Sarawak** telah diumumkan antaranya bagi melaksanakan projek berskala kecil seperti penyelenggaraan jalan, penambahbaikan infrastruktur kesihatan serta projek di peringkat pihak berkuasa tempatan di samping penyediaan dana kredit mikro khusus untuk PKS Sabah dan Sarawak.

115. Dalam menyediakan kemudahan jalur lebar terkini, pelaksanaan **inisiatif JENDELA** akan terus dipergiat. Bagi tahun 2022, Kerajaan menyediakan 700 juta ringgit untuk meneruskan usaha ketersambungan digital di 47 kawasan perindustrian dan 630 buah sekolah terutamanya di luar bandar.

116. **Penyediaan perkhidmatan 5G** bakal melakar landskap teknologi baharu dan menawarkan pengalaman pengguna yang lebih baik dan pantas. Bagi tahun 2022, perkhidmatan 5G akan diperluas kepada 36 peratus daripada kawasan kepadatan tinggi di bandar-bandar utama.

117. Untuk meningkatkan penerapan digital dalam kalangan PMKS, Kerajaan akan menaikkan dana bagi inisiatif **Skim Geran Pendigitalan PKS**

kepada 200 juta ringgit dengan 50 juta ringgit dikhususkan untuk usahawan mikro Bumiputera di luar bandar.

STRATEGI 3: KONSOLIDASI FISKAL DAN KEMAMPANAN HASIL

Tan Sri Yang di-Pertua,

118. Strategi ketiga bagi Fokus ini ialah Konsolidasi Fiskal dan Kemampanan Hasil. Kerajaan telah menangani krisis pandemik COVID-19 dalam keadaan ruang fiskal yang sempit disebabkan kutipan hasil yang terjejas. Bagi tahun 2022, reformasi dan pengukuhan fiskal akan dimulakan bagi membina semula benteng ketahanan fiskal negara dalam menghadapi cabaran pada masa hadapan.

119. Bagi inisiatif pertama, Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan **Akta Tanggungjawab Fiskal** dengan tujuan meningkatkan tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan fiskal negara dan bercadang untuk membentangkan Akta ini pada tahun hadapan.

120. Sebagai inisiatif kedua **langkah kemampanan hasil**, Kerajaan bercadang untuk memberikan layanan cukai sama rata antaranya seperti berikut:

Pertama: Kadar duti setem nota kontrak dinaikkan daripada 0.1 peratus kepada 0.15 peratus dan had duti setem 200 ringgit setiap nota kontrak dimansuhkan. Pada masa yang

sama, aktiviti pembrokeran dagangan saham tersenarai tidak lagi dikenakan cukai perkhidmatan;

Kedua: Cukai pendapatan dikenakan kepada pemastautin di Malaysia ke atas pendapatan yang terbit daripada sumber luar negara dan diterima di Malaysia mulai 1 Januari 2022; dan

Ketiga: Cukai jualan dikenakan ke atas barang bernilai rendah dari luar negara yang dijual oleh peniaga dalam talian dan dihantar kepada pengguna di Malaysia melalui perkhidmatan kurier udara.

121. Berikutan krisis pandemik COVID-19, keperluan meningkat untuk membiayai golongan rakyat yang terjejas. Bagi memastikan sistem kesihatan awam lebih berdaya tahan, Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan cukai khas secara *one-off* kepada syarikat yang menjana pendapatan tinggi. Dengan nama **Cukai Makmur**, syarikat dengan pendapatan bercukai sehingga 100 juta ringgit pertama akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 24 peratus dan pendapatan bercukai selebihnya akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 33 peratus bagi tahun taksiran 2022.

STRATEGI 4: MENDOKONG PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

Tan Sri Yang di-Pertua,

122. Perkhidmatan awam merupakan tunjang dalam usaha menangani pandemik COVID-19. Strategi keempat di bawah fokus ketiga adalah untuk terus **mendokong penyampaian perkhidmatan awam.**

123. Bagi memacu transformasi digital dalam perkhidmatan Kerajaan, projek Identiti Digital Nasional yang merupakan satu platform pengesahan pengenalan diri bagi memudahkan pengguna berurusan secara digital dan selamat akan dimulakan pada tahun 2022.

124. Semasa ucapan penggulungan dasar Dewan Rakyat, Kerajaan bersetuju memperuntukkan 50 juta ringgit untuk menambah baik tadbir urus, kecekapan serta ketelusan pengurusan kewangan dan bajet Kerajaan. Antaranya termasuklah:

Pertama: 10 juta ringgit kepada Jabatan Audit Negara bagi **memperkukuh keupayaan dan mengoptimum proses pengauditan;**

Kedua: 15 juta ringgit disediakan bagi meningkatkan **keberkesanan peranan Parlimen dalam tadbir urus dengan diperkukuhkan jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen;**

Ketiga: 10 juta ringgit akan disediakan untuk **menyokong usaha *All Parliamentary Party Group Malaysia Sustainable Development Goals*** atau APPGM SDG; dan

Keempat: 15 juta ringgit kepada Jabatan Perangkaan Malaysia dan agensi berkaitan bagi menggerakkan dan **memantapkan ketersediaan data** supaya setiap dasar Kerajaan adalah lebih inklusif, bersasar dan menyeluruh.

Tan Sri Yang di-Pertua,

125. Bagi menghargai jasa dan pengorbanan penjawat awam, Kerajaan mengumumkan **Bantuan Khas Kewangan** kepada 1.3 juta penjawat awam Gred 56 dan ke bawah sebanyak 700 ringgit dan 1 juta pesara Kerajaan sebanyak 350 ringgit dengan implikasi kewangan sebanyak 1.3 bilion ringgit. *Insyallah*, Bantuan Khas ini akan dibayar pada bulan Januari 2022.

126. Bagi memastikan pelaksanaan inisiatif Bajet 2022 sampai kepada ahli Keluarga Malaysia dengan tuntas dan berkesan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mempengerusikan sebuah **jawatankuasa pemantauan** yang diselaras oleh Kementerian Kewangan.

PENUTUP

Tan Sri Yang di-Pertua,

127. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya tegaskan sekali lagi bahawa **Bajet ini adalah inklusif, seimbang dan menyeluruh. Ia mengambil kira kepentingan rakyat dan masa depan negara.**

128. Saya pasti perbahasan yang akan berlangsung selepas ucapan ini bermatlamatkan kebaikan buat rakyat kita – dan matlamat kita yang utama hari ini seharusnya menjayakan Bajet negara yang mengandungi seribu satu kebaikan buat segala lapisan Keluarga Malaysia kita.

129. Mengambil ibrah dari Surah Ar-Rahman Ayat 60, “Tidak ada balasan kebaikan melainkan kebaikan juga.” Moga, kita perolehi ganjaran yang sebaiknya dari keputusan hari ini. Maka, setelah badai dilaut sudah pun reda, gelora di hati rakyat pula makin kencang, menantikan suara sepakat kita sebagai penenang.

130. Saya dengan rendah hati dan penuh tawadduk selaku Menteri Kewangan Malaysia menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat semua untuk sebulat suara meluluskan Bajet 2022 ini. Berikanlah suara itu.

131. Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Terima kasih. Tan Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.